



JABATAN PENDIDIKAN PERAK
JALAN TUN ABDUL RAZAK,
30640 IPOH,
PERAK DARUL RIDZUAN.



Telefon : 05-501 5000 Faks : 05-527 7273 Portal : www.pelajaranperak.gov.my

1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN

Ruj. Kami : BTPN(PK-UPB)8873/1 Jld.8(92)

Tarikh : 01 November 2013

07 Zulhijjah 1434

Pengetua / Guru Besar
Sekolah Menengah/Sekolah Rendah Negeri Perak

Tuan,

PENGUMPULAN DATA DAN PENGISIAN SISTEM PENGURUSAN SEKOLAH (SPS) BAGI SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI PERAK 2013

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa merujuk kepada surat Jabatan Pendidikan Perak, BTPN(PK-UPB)8873/1 Jld. 8(85) bertarikh 16 Oktober 2013, bermatlamat untuk menghasilkan satu sumber data melalui penggunaan Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) sebagai satu sistem tunggal kemasukan data (*single entry data*) di peringkat sekolah adalah berkaitan.

3. Sehubungan dengan itu, aplikasi SPS adalah satu pangkalan data tunggal yang akan menjadi *primary data source* di sekolah. Ini bertujuan untuk memastikan agar semua inisiatif pembangunan aplikasi yang dibangunkan pada masa akan datang oleh mana-mana pihak perlu berintegrasi dengan pangkalan data ini bagi mengelakkan kemasukan data yang sama berulang kali oleh pihak berkepentingan seperti PPD, JPN dan bahagian-bahagian KPM bagi tujuan analisis dan pelaporan.

4. Oleh itu, pihak tuan perlu memastikan penggunaan 6 modul SPS **dilaksanakan sepenuhnya pada atau sebelum 30 November 2013**. Pihak Kementerian Pendidikan akan membuat pemantauan pelaksanaan SPS di sekolah tuan/puan dari semasa ke semasa. Pematuhan dan kerjasama tuan dalam hal ini dan memastikan pelaksanaan SPS berjalan lancar amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(HAJI MUHAMAT ROLI BIN HAJI HASSAN P.M.P, A.M.N, A.M.P.)

Pengarah Pendidikan Perak,

- s.k.
1. Ketua Penolong Pengarah,
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Perak.
 2. Pegawai Pendidikan Daerah,
Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Perak.

“CINTAILAH BAHASA KITA”

(Sila catatkan rujukan pejabat ini apabila berhubung)